

## **SIARAN MEDIA**

### **POLITEKNIK UNGKU OMAR TANAM 100 BATANG POKOK SAHUT KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK**

Ipooh, 22 Februari 2024 - Politeknik Ungku Omar (PUO) telah menunjukkan komitmen serius terhadap kelestarian alam sekitar melalui Program Khidmat Masyarakat (CSR) Penghijauan Kampus disini, hari ini. Lebih daripada sekadar menanam pokok, program ini mencetuskan kesedaran kemampunan alam sekitar di kalangan mahasiswa dan warga kerjanya sambil mempromosikan tanggungjawab kolektif terhadap bumi serta mempraktikkan amalan-amalan lestari.

Penganjuran CSR ini selari dengan matlamat Kempen Penanaman 100 Juta Pokok di bawah RMK ke-12 dalam usaha mengekalkan 50% keluasan tanah negara dilitupi dengan kawasan berhutan dan pokok-pokok. Inisiatif CSR ini juga sejajar dengan Pelan Transformasi Politeknik 2023-2030 dalam memanifestasikan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs).

Sebanyak 100 batang pokok jenis Merawan Siput Jantan telah ditanam di sekitar kampus hasil kerjasama lebih 500 warganya yang terdiri daripada para pelajar dan warga kerja Politeknik Ungku Omar.

Program anjuran Unit Industri, Korporat Dan Kebolehpasaran (CISEC), Smart Green PUO dan Sistem Penasihatuan Akademik (SPAk) turut mendapat kerjasama dari Jabatan Perhutanan Negeri Perak. Majlis perasmian turut menyaksikan penanaman pokok oleh Yang Berusaha Dr Shamsuri bin Abdullah, Pengarah Politeknik Ungku Omar dan Encik Azmi bin Mohd Zain, Ketua Penolong Pengarah Seksyen Silvikultur dan Kepelbagaian Biologi, Jabatan Perhutanan Negeri Perak.